

# UPM bantu pelajar

## tingkat pemahaman subjek Fizik

**K**AJIAN mendapati pelajar aliran sains sekolah menengah atas mempunyai persepsi bahawa pembelajaran mata pelajaran Fizik amat sukar dan membosankan.

Prihatin terhadap situasi tersebut, pada 8 Mei lalu, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Kem Outreach Fizik yang disertai 176 pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Sains Perempuan Seremban (SGS).

Program yang berjalan selama dua hari itu dikendalikan 38 orang mahasiswa Kelab Fizik dan diketuai Pensyarah Kanan Fakulti Sains UPM, Dr. Yap Wing Fen.

Menurut Wing Fen, selain membina kefahaman, program tersebut turut dianjurkan bagi menyemai minat dan penghayatan mendalam pelajar terhadap mata pelajaran berkaitan.

"Program bertemakan 'memindah, melintas dan mengubah' ini menggunakan pendekatan yang memberi peluang kepada peserta untuk menyaksikan dan mengalami sendiri konsep Fizik yang berkait rapat dalam kehidupan seharian.

"Konsep dan aktiviti yang direka adalah menepati standard mata pelajaran fizik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kaedah pemahaman yang lebih menghiburkan dan berkesan seperti nyanyian dan lagu turut diaplikasikan menerusi program ini," katanya.

Seorang wakil pelajar SGS, Nur Rashidah Razuan berkata, cara penyampaian yang dibawakan menerusi program tersebut menarik dan mudah difahami.

"Konsep yang dibawakan memudahkan peserta untuk mempelajari Fizik dengan mendalam. Setelah melaksanakan eksperimen yang dijalankan di bawah program ini, tahap pemahaman saya semakin meningkat," katanya.

Seorang lagi pelajar SGS, Marsha Haniem Yahaya turut mengakui Kem Outreach Fizik banyak membantu meningkatkan pengetahuan berkaitan



subjek tersebut yang dianggap sukar. "Fasilitator membantu saya berfikir dengan lebih jauh. Kini minat saya terhadap subjek tersebut mula meningkat. Saya ingin berterima kasih kepada UPM kerana berjaya menganjurkan program pemindahan dan transformasi ilmu yang luar biasa ini," jelasnya.



**PARA** pelajar Sekolah Menengah Sains Seremban menunjukkan sijil penyertaan Kem Outreach Fizik yang diterima selepas program tamat.

# Gabungan muzik pelbagai genre meriahkan UM Muzik Showcase

PADA 15 Mei yang lalu bertempat di Panggung Eksperimen, Universiti Malaya (UM) telah berlangsung satu pertunjukan khas yang menampilkan persembahan muzik pelbagai genre yang dipersembahkan pelajar-pelajar tahun pertama, kedua dan ketiga Jabatan Muzik, Pusat Kebudayaan UM.

Menampilkan persembahan penuh kreatif, UM Muzik Showcase 2015 dilihat menjadi platform bagi pelajar-pelajar tersebut menunjukkan kebolehan masing-masing menerusi pelbagai bidang muzik yang disertai.

Menjadi tarikan utama pada persembahan tersebut apabila

pelbagai genre muzik disatukan dan dipersembahkan mengikut konsep yang dihasilkan oleh pelajar sendiri.

Selain muzik klasik seperti piano dan persembahan vokal yang memukau, majlis yang dihadiri hampir 300 penonton turut dihiburkan dengan persembahan muzik jazz yang mendapat sentuhan dan gubahan lebih menghiburkan.

Tambah menarik apabila muzik tradisional turut disajikan buat santapan halwa telinga penonton. Alunan gamelan, cak lempeng, Melayu Asli dan koir yang didengarkan memukau penonton

menerusi keunikan yang ditampilkan.

Kerancangan tidak berhenti setakat itu sahaja. Persembahan yang dibawakan turut disertai elemen penuh simbolik dan mengujakan. Para pelajar turut menampilkan persembahan muzikal yang menggabungkan drama dan tarian.

Bagi penonton yang hadir, pastinya berpuas hati dengan persembahan yang dipentaskan itu. Begitu juga dengan pelajar-pelajar yang telah mempersembahkan suatu konsep yang unik sehingga meninggalkan kesan kepada semua yang hadir pada majlis tersebut.

